

04/04/2001

Negara berdaya tahan (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Membina negara yang berdaya tahan dengan mengekalkan usaha membasmi kemiskinan dan membangunkan masyarakat berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi, adalah antara matlamat utama Dasar Wawasan Negara (DWN) yang dilancarkan hari ini.

Berteraskan pertumbuhan ekonomi mapan bagi menghadapi cabaran luaran seperti globalisasi, dasar pembangunan negara itu dirangka bagi mengurangkan ketidakseimbangan sosial, ekonomi dan wilayah.

Selain itu, ia meneruskan usaha menanam nilai sosial dan kerohanian bagi mengimbangi sikap mementingkan kebendaan yang keterlaluan.

Dasar itu turut membawa mesej betapa keamanan dan keharmonian menjadi asas penting kepada semua usaha pembangunan negara kerana keadaan kucar-kacir disebabkan perbalahan pendapat, akan menghalang kemajuan yang sepatutnya dimanfaatkan generasi akan datang.

Ia adalah antara teras strategik bagi mencapai pembangunan mapan, ke arah persediaan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020 melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001-2010 itu.

RRJP3 adalah fasa kedua usaha negara mencapai Wawasan 2020 yang dimulakan pada 1991. Dasar dan program RRJP3 yang akan dilaksanakan dalam dekad pertama abad ini, adalah untuk generasi akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan RRJP3 di Dewan Rakyat hari ini berkata, setelah memperolehi kejayaan memberangsangkan sejak pelancaran DEB dan DPN, Malaysia seharusnya melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan.

Dengan mengambil kira strategi utama dasar lalu seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), dimensi baru DWN turut menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik.

Perdana Menteri berkata, dimensi baru itu mahu kemiskinan di kalangan kelompok kecil miskin di bandar dan pedalaman, kumpulan suku kaum minoriti Bumiputera di Sarawak dan Sabah serta Orang Asli, dibasmikan.

Bagi meningkatkan keberkesanan, katanya, program pembasmian kemiskinan sedia ada akan digabungkan dan digiat semula di bawah 'Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat'.

"DWN juga akan memperkukuhkan daya saing dan daya tahan negara serta mewujudkan masyarakat yang saksama bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara," katanya dalam ucapan selama kira-kira 70 minit itu.

Ucapan Perdana Menteri terlewat kira-kira 15 minit berikutan gangguan anggota pembangkang yang cuba menangguhkan pembentangan rangka rancangan jangka panjang itu.

Mengulas kejadian itu kemudiannya, Dr Mahathir berkata bagi pembangkang, apa yang dilakukan oleh kerajaan semuanya tidak betul tetapi pada masa yang sama, mereka mendakwa mahu bekerjasama dengan kerajaan membangunkan negara ini.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri menggariskan tujuh teras utama DWN iaitu:

- \* Membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan, menyemarakkan semangat patriotik, menaikkan kematangan politik, membina masyarakat supaya lebih sanggup bertolak ansur dan penyayang yang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi;

- \* Mewujudkan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan dan pengurangan ketidakseimbangan di kalangan dan dalam kumpulan etnik serta

wilayah;

- \* Mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan mengukuhkan sumber pertumbuhan, institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro;

- \* Mempertingkatkan daya saing untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi;

- \* Membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai langkah strategik untuk meningkatkan nilai ditambah semua sektor ekonomi dan mengoptimalkan daya pemikiran bangsa;

- \* Mengukuhkan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkebolehan, produktif dan berpengetahuan; dan

- \* Meneruskan pembangunan alam sekitar yang mampan untuk meneguhkan pertumbuhan jangka panjang.

Beliau berkata, dimensi baru DWN turut merangkumi usaha menjana pertumbuhan berdasarkan sumber dan kekuatan tempatan melalui pengukuhan pelaburan dalam negeri dan pembangunan keupayaan tempatan, di samping terus menarik pelaburan langsung asing (FDI) di bidang strategik.

Ia juga mahu mencapai penyertaan Bumiputera yang berkesan serta pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010; mencapai penyertaan Bumiputera secara berkesan dalam sektor utama ekonomi; dan merubah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

Mengenai penyusunan semula masyarakat, Dr Mahathir berkata usaha akan dilaksanakan bagi meningkatkan ekuiti Bumiputera dalam perniagaan. Ketika ini, Bumiputera hanya memiliki 19.1 peratus daripada ekuiti korporat.

Matlamatnya ialah untuk meningkatkan bahagian pemilikan Bumiputera kepada sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010. Dalam penentuan pemilikan ekuiti bukan Bumiputera, bahagian bagi keturunan India akan diberi perhatian.

Ditanya pemberita sama ada sasaran 30 peratus kali ini dapat dicapai, Dr Mahathir berkata sasaran itu tidak akan tercapai sampai bila-bila jika saham yang diberikan kepada mereka dijual balik.

"Oleh itu Bumiputera haruslah bekerjasama (dalam mencapai sasaran) dan bukan-Bumiputera harus berkongsi dengan Bumiputera," katanya.

Dalam ucapannya juga, Perdana Menteri berkata, untuk membina bangsa yang berdaya tahan, rakyat perlu bersatu padu, matang berpolitik, bertolak ansur, penyayang dan terus menikmati kehidupan berkualiti tinggi.

"Rakyat Malaysia hendaklah berusaha mencapai kematangan politik dan tidak terjerumus ke dalam fahaman sempit dan berpandangan ekstrim. Untuk menjadi sebuah negara yang berjaya, kita mesti bersedia bekerja kuat dan bijak, berdisiplin dan mempunyai etika kerja yang baik," katanya.

Mengenai pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan, Dr Mahathir berkata ia sangat penting bagi mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan meningkatkan daya saing pada peringkat antarabangsa.

"Kita perlu memperkukuhkan keupayaan kita untuk mereka cipta dan membangunkan teknologi tempatan serta memaju dan memasarkan produk baru. Dengan penambahan input pengetahuan, kita akan berupaya beralih daripada strategi yang didorong input, kepada strategi pertumbuhan yang didorong produktiviti," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan, ekonomi berasaskan pengetahuan tidak bermakna kerajaan mengetepikan aktiviti pengeluaran sedia ada dan hanya menumpukan kepada aktiviti berteknologi tinggi.

Katanya, syarikat perniagaan Malaysia juga mesti mengukuhkan rangkaian mereka dengan syarikat multinasional asing untuk mengambil peluang daripada kontrak yang ditawarkan pada peringkat dunia dan menjadi sebahagian daripada rantaian nilai global.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi negara berjaya mencatat

kenaikan purata tujuh peratus setahun bagi tempoh 1991 hingga seperti sasaran yang ditetapkan di bawah RRJP2.

"Pertumbuhan ini dicapai dalam persekitaran inflasi yang rendah, harga stabil dan guna tenaga yang penuh. Pendapatan per kapita meningkat pada kadar 7.8 peratus setahun atau sekali ganda daripada RM6,298 pada 1990 kepada RM13,359 pada 2000," katanya.

Bagaimanapun katanya, keupayaan negara mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi tempoh RRJP3 bergantung kepada keupayaan mengukuhkan daya tahan dan daya saing ekonomi.

Oleh itu katanya, pengurusan ekonomi makro akan ditumpukan kepada usaha memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan dengan inflasi rendah, harga stabil serta mengekalkan sumber ekonomi dan kedudukan imbalan luar yang sihat.

"Pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dijangka menyediakan landasan untuk memperbaiki produktiviti negara," katanya.

Dalam tempoh RRJP3, ekonomi negara disasarkan berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun.

Sumber utama pertumbuhan adalah daripada peningkatan produktiviti yang dihasilkan oleh kemajuan dalam teknologi dan proses pengeluaran serta peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Insya-Allah, kita akan terus makmur dan berjaya mencapai matlamat yang telah kita tetapkan pada dekad pertama abad ke-21 ini dan dengan demikian, kita akan semakin hampir kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020," katanya.